

Pengumuman

Langkah-langkah untuk membantu pelanggan yang terjejas oleh COVID-19

I) KAMI KOMITED UNTUK MEMBANTU ANDA PADA WAKTU SUKAR INI

Berikutan pandemik COVID-19, Bank Negara Malaysia telah pada 24 Mac 2020 mengumumkan langkah-langkah tambahan untuk membantu peminjam/pelanggan yang terkesan dengannya. Kami benar-benar berharap langkah-langkah yang berikut akan memberi relief kepada pelanggan kami yang menghadapi masalah kewangan untuk menghadapi cabaran semasa tempoh ini.

KAMI MENAWARKAN PENANGGUHAN PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN SELAMA ENAM (6) BULANAN UNTUK INDIVIDU DAN PKS

- Tawaran ini **AUTOMATIK**; TIADA permohonan yang perlu dibuat.
- Sekiranya anda **TIDAK MAHU** menangguhkan pembayaran balik bulanan anda, sila [mohon di sini](#).

UNTUK PELANGGAN KORPORAT, SILA BUAT PERMOHONAN BAGI PENANGGUHAN SECARA TERUS KEPADA BANK.

II) KRITERIA KELAYAKAN

1. Disediakan untuk **semua** individu, perusahaan kecil dan sederhana dan pelanggan korporat.
2. Semua kemudahan pinjaman atau pembiayaan dalam Ringgit Malaysia dengan Public Bank Berhad dan Public Islamic Bank Berhad. Pinjaman atau pembiayaan anda mesti dikeluarkan (sepenuhnya atau sebahagiannya) dan belum dijelaskan pada 1 April 2020.
3. Untuk hartanah yang sedang dalam pembinaan yang sebahagian daripada pinjaman/pembiayaannya telah dikeluarkan dan belum dijelaskan pada 1 April 2020.
4. Kemudahan pinjaman atau pembiayaan yang mungkir atau lampau tempoh melebihi 90 hari pada 1 April 2020 **TIDAK LAYAK** untuk penangguhan pembayaran.
5. Tidak diterima pakai untuk kemudahan kad kredit. Untuk pelanggan kad kredit, baca di bawah ini untuk alternatif.

III) PERKARA YANG ANDA PERLU TAHU MENGENAI PENANGGUHAN PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN

1. BERAPA LAMAKAH TEMPOH PENANGGUHAN ITU?

- i. Tempoh penangguhan adalah dari 1 April 2020 hingga 30 September 2020, iaitu enam (6) bulan. Selepas berakhirnya tempoh enam (6) bulan, pembayaran bulanan anda akan disambung semula.
 - ii. Sila hubungi Bank sekiranya anda memerlukan tempoh penangguhan yang lebih panjang.
2. PERLUKAH SAYA MEMBUAT PEMBAYARAN BALIK, MEMBAYAR PENALTI KERANA LEWAT MEMBAYAR ATAU CAJ LAIN SEMASA TEMPOH PENANGGUHAN TERSEBUT?

- i. Tidak. Sekiranya pinjaman atau pembiayaan anda di bawah pengaturan debit automatik melalui Arahan Tetap, Bank akan menyekat pendebitan sepanjang **Tempoh Penangguhan** tersebut. Bagaimanapun, sekiranya Arahan Tetap anda dibuat melalui institusi kewangan lain, sila maklumkan kepada institusi kewangan berkenaan.
 - ii. Sekiranya anda memilih untuk tidak menangguhkan pembayaran, tiada perubahan akan dibuat terhadap pengaturan Arahan Tetap itu.

3. PERLUKAH SAYA MEMAKLUMKAN KEPADA BIRO PERKHIDMATAN ANGKASA (BPA) UNTUK MENANGGUHKAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN SAYA ITU?

Tidak, anda tidak perlu memaklumkan kepada BPA. Penangguhan itu akan dilaksanakan secara automatik oleh Bank. Bagaimanapun, sekiranya anda memilih untuk tidak menangguhkan pembayaran, sila [mohon di sini](#).

4. PERLUKAH SAYA MENUNJUKKAN BUKTI BAHAWA SAYA TERKESAN OLEH COVID-19?

- Tidak

5. BAGAIMANAKAH PENGIRAAN CAJ BAGI FAEDAH/KEUNTUNGAN SAYA SEMASA TEMPOH PENANGGUHAN ITU?

- i. Untuk pinjaman dengan Public Bank Berhad, iaitu pinjaman konvensional:
Pembayaran faedah anda akan ditangguhkan. Bagaimanapun, tiada faedah terkompaun dikenakan semasa tempoh penangguhan ini mulai 1 April 2020 hingga 30 September 2020. Ini bermakna anda tidak akan dikenakan apa-apa faedah atas faedah yang dikenakan semasa tempoh moratorium.
 - ii. Untuk pinjaman dengan Public Islamic Bank Berhad, iaitu pembiayaan Islam:
Anda TIDAK akan membayar lebih caj keuntungan secara penangguhan. Keuntungan akan terus terakru atas amaun pokok yang belum dijelaskan.

Keuntungan itu bagaimanapun tidak akan dikompaun selaras dengan prinsip Syariah.

6. ADAKAH PENANGGUHAN INI MEMBERI KESAN BURUK DALAM REKOD CCRIS SAYA?

- Tidak

7. BAGAIMANA PULA SEKIRANYA PINJAMAN ATAU PEMBIAYAAN SAYA TELAH DIJADUAL SEMULA ATAU DISTRUKTUR SEMULA SEBELUM 1 APRIL 2020?

- Pinjaman dan pembiayaan yang dijadual semula atau distruktur semula sebelum 1 April 2020 layak untuk penangguhan itu dengan syarat memenuhi **Kriteria Kelayakan** yang ditetapkan.

8. SEKIRANYA PINJAMAN/PEMBIAYAAN SAYA PADA MASA INI ADALAH DI BAWAH PROGRAM PENGURUSAN HUTANG AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK), APAKAH SAYA LAYAK UNTUK PENANGGUHAN PEMBAYARAN?

- i. Ya. Seperti pinjaman/pembiayaan lain, faedah/keuntungan akan terus terakru ke atas pembayaran pinjaman/pembiayaan yang ditangguhkan.
- ii. AKPK bersetuju untuk memberi penangguhan selama 6 bulan bagi pinjaman dan pembiayaan yang diuruskan oleh mereka.

9. SEKIRANYA PELANGGAN KORPORAT DIBERI PENANGGUHAN, BOLEHKAN PELANGGAN KORPORAT MENDAPAT PEMBIAYAAN BAHARU DARIPADA BANK?

- Ya. Kelulusan untuk pembiayaan baharu tertakluk pada dasar dan penilaian kredit dalaman biasa sesebuah Bank.

IV) PERKARA YANG ANDA PERLU TAHU MENGENAI BAKI BELUM JELAS KAD KREDIT ANDA

1. Pindahan baki kad kredit

- a) Baki penyata anda pada waktu pindahan boleh ditukarkan kepada pinjaman bertempoh tidak melebihi tiga (3) tahun pada kadar faedah efektif sebanyak 13% setahun. Sila [mohon di sini](#).

- b) Sekiranya anda tidak membuat pembayaran balik minimum bulanan bagi kad kredit anda 3 bulan berturut-turut selama (tidak melebihi 90 hari), Bank secara **AUTOMATIK** akan menukar baki belum jelas itu kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh selama tiga (3) tahun pada kadar faedah efektif sebanyak 13% setahun. Ini diterima pakai ke atas semua pemegang kad semua peringkat pendapatan. Penukaran secara automatik itu hanya akan dibuat sekali sahaja.
2. Pemegang kad kredit yang telah menukar baki kad mereka menjadi pinjaman/pembiayaan bertempoh boleh memohon untuk penangguhan pembayaran selama 6 bulan. Pembayaran balik pinjaman/pembiayaan akan disambung semula selepas tempoh penangguhan berakhir. Untuk memohon, **silalahubungi Talian *Hunting* Perkhidmatan Kad PB: 03 - 2176 8222**.
 3. Baki belum jelas yang ditukarkan kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh dianggap sebagai sebahagian daripada had kad kredit anda. Anda boleh menggunakan baki had kredit kad kredit anda itu.
 4. Ansuran bulanan bagi pinjaman/pembiayaan bertempoh baharu anda itu akan menjadi sebahagian daripada amaun pembayaran balik bulanan minimum kad kredit tersebut.
 5. Rekod CCRIS anda tidak akan terjejas.

V. Bantuan Relif Selepas Moratorium Selama 6 Bulan

Sekiranya peminjam/pelanggan berkemungkinan tidak dapat meneruskan pembayaran balik/pembayaran selepas tempoh moratorium selama 6 bulan yang berakhir pada 30 September 2020, silalahubungi Cawangan Pemegang Akaun untuk semakan semula pengaturan pembayaran balik/penjadualan semula dan penyusunan semula dengan segera pada bulan Julai/Ogos 2020.

Maklumkan kepada kami sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut. Silalahubungi Talian *Hunting*, Meja Bantuan Public Bank dari hari Isnin hingga Jumaat (8.45 pagi hingga 5.45 petang) melalui:

- a) 03 - 2176 7470
(untuk Kemudahan Pinjaman Perumahan/Pinjaman Bertempoh/Pinjaman Tetap/Overdraf/Bil)
- b) 03 - 2176 8222
(untuk kad kredit)
- c) 03 – 2177 3485 / 03 – 2177 3612 / 03 – 277 3150 /
03 - 2176 7257 / 03 – 2176 3058 / 03 – 2176 7252
(untuk pembiayaan Islamik)